

tentu akan mengutamakan orang-orang Indonesia sendiri di dalam
perniagaan itu. Dengan itu maka cepat mereka menaja suatu
binaan dengan menggunakan orang-orang Indonesia di hadapannya
membuka syarikat yang baharu dengan nama Indonesia tetapi
di sebalik itu yang mengemudi, yang memodali perniagaan itu
ialah orang-orang Cina sedang orang Indonesia tadi sebagai
manager yang dijadikan perkakas kepada mereka.

Perkara ini telah merebak beberapa lamanya tetapi kemudiannya
muslihat itu diketahui dan diperhati oleh pihak kerajaan
yang dengannya kemudian apa-apa kelebihan yang hendak diberi kepada
binaan iktisad bagi putera bumi itu lebih dahulu diperiksa
adakah modal itu sebenarnya daripada orang Indonesia atau
daripada orang-orang Cina oleh kerana itu khabar-khabarnya banyak terjadi
perkara-perkara yang tidak menggemarkan berlaku disebabkan oleh
kecuaian atau disebabkan tipu muslihat yang tersebut yang
kemudian keuntungannya bukannya bagi orang-orang Indonesia
tetapi bagi orang-orang Cina.

Orang-orang Cina di seluruh Indonesia itu tidak mau
menerima sama sekali jika ia dipanggil orang Cina. Mereka
menamakan diri mereka ialah orang Tionghua. Boleh
dikatakan di seluruh bandar-bandar yang besar di dalam Indonesia
mereka itu tinggal berkampung halaman di dalam suatu daerah
dan banyak tempat-tempat mereka itu digelar kampung Cina
sekali pun nama-nama tempatnya berlain-lainan. Ramainya penduduk-penduduk

Cina di daerah Gelodok itu dapat dibukti apabila diadakan
pasar malam terutamanya pada masa perayaan Cap Go Meh,
sebagaimana di tempat-tempat lain, malam itu dirayakan dan di dalam
Gelodok Jakarta itu di sana penuh boleh dibilang oleh
orang-orang Cina belaka. Di sinilah mereka selalu berjalan
berdubun-dubun ke hulu ke hilir bermukuh-mukuh terutamanya jika ada
yang berjalan di hadapan mereka gadis-gadis. Keadaan perangai
dan kelakuan mereka tidak ubahnya seperti keadaan
di dalam perayaan-perayaan di Singapura ini juga. (bersambung)

CUBA

Cuba itu suatu punca

Cawangnya ada sedia teruja

C

Cuai dan culas ada berpunca

C

Celanya menunggu junjungannya pica

Waktu mencuba berfikirilah satu

U

Was-wasnya banyak akan bersekutu

Walang dan bimbang ada di Sabtu

U

Waad Wa'id belum menentu

Benar permulaanku dengan meraba

B

Banyak yang parah denganku bersaba

Boleh tak boleh maulah dicuba

B

Bingal dan cecal hendaklah diloba.

Harun.D.L. Singapura

INSYA-ALLAH TERPELIHARA ANAK TUAN-TUAN DENGAN MEMAKAN:

Ubat Cacing Mahsyur Tabib Ahmad Khalid

49 LAHAT ROAD, IPOH PERAK